

22 OCT 1996

MELAKA KEMUKA CADANGAN NAIK HARGA RUMAH KOS RENDAH

MELAKA, 22 Okt (Bernama) -- Kerajaan Melaka akan mengemukakan cadangan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menaikkan harga rumah kos rendah di sini berdasarkan kepada lokasi projek.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani berkata harga yang dicadangkan adalah antara RM30,000 dan RM40,000 bagi projek di sekitar bandar Melaka.

"Ini kerana tanah di sekitar bandar Melaka berharga tinggi. Bagaimanapun bagi kawasan luar bandar kita akan mengekalkan harga asal sebanyak RM25,000 seunit," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas melawat kawasan kampung yang dilanda ribut di sini, beliau berkata kerajaan negeri sebelum ini pernah mengemukakan cadangan yang sama pada 1994 tetapi ditolak.

Sabtu lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata harga rumah kos rendah di negara ini tidak harus terikat pada satu harga sahaja tetapi perlu ditentukan mengikut lokasi projek.

Mohd Zin berkata jika harga baru itu diterima, kerajaan negeri juga akan mengkaji had kelayakan pendapatan pemohon rumah kos rendah yang sekarang ditetapkan RM1,000 sebulan.

"Kerajaan negeri menetapkan sebanyak 10,000 unit rumah kos rendah akan dibina dalam Rancangan Malaysia Ke-7 dan setakat ini sebanyak 2,000 unit telah siap," katanya.

Beliau berkata kerajaan Melaka telah melantik Syarikat Pembangunan Pembinaan Melaka Sdn Bhd (PPMSB) iaitu anak syarikat Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) untuk melaksanakan projek itu. -- BERNAMA

MYD NMO